

U B227 AAB

MAHATHIR - DADAH

(EMBARGO- UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

(I)

NEW YORK, 29 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA MENGGESA MASYARAKAT ANTARABANGSA MEMERANGI HABIS-HABISAN PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED SEMASA BERUCAP PADA SESI KE-41 PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI HARI INI BERKATA MALAYSIA BERAZAM PENUH UNTUK MEMERANGI WABAK DADAH DENGAN SEGALA SUMBER DAN KEMAMPUAN YANG ADA.

+KITA TELAH DAN AKAN TERUS MENGGANTUNG PENJUAL DAN PENGEDAR DADAH SEJAJAR DENGAN UNDANG-UNDANG KITA TANPA MENGIRA WARNA DAN KETURUNAN.+

BELIAU BERKATA SUMBER DADAH HENDAKLAH DITENTANG DENGAN APA JUGA CARA DAN SENJATA YANG ADA DI MANA-MANA JUA MEREKA BERADA.

BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI DADAH YANG DIJADUAL BERLANGSUNG DI VIENNA JUN DEPAN BUKAN SAHAJA DAPAT MELAHIRKAN RANCANGAN BERTINDAK YANG PASTI TETAPI JUGA SATU KOMITMEN POLITIK YANG TEGAS OLEH PARA PESERTA UNTUK BERUSAHA SEDAYA UPAYA MEMBANTERAS DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIJANGKA DIPILIH UNTUK MEMPENGERUSIKAN PERSIDANGAN ITU YANG AKAN DIANJURKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU.

BELIAU BERKATA, SEGALA TINDAKAN HENDAKLAH DIAMBIL UNTUK MEMERANGI DADAH DAN BELIAU BERHARAP KOMITMEN POLITIK AKAN DILAHIRKAN DALAM +PERNYATAAN BERSAMA+ ATAU +PERISYTIHARAN.+ -- BERNAMA.

1548MST 29 09 86